



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**STRATEGI INTERAKSI BERKESAN DI DALAM PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN BAHASA INGGERIS
KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

MAZNAH BINTI AHMAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti strategi interaksi berkesan Bahasa Inggeris semasa sesi pengajaran dan pembelajaran oleh guru prasekolah di Daerah Kerian, Perak. Kajian ini juga mengenalpasti kemahiran pedagogi guru dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris serta penggunaan peneguhan dan rangsangan sebagai motivasi untuk kanak-kanak berinteraksi dalam Bahasa Inggeris. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes telah digunakan dalam kajian ini. Pensampelan bertujuan melibatkan lima orang guru prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah menghadiri beberapa siri kursus kemahiran Bahasa Inggeris pada tahun 2014. Tiga jenis instrumen kajian telah digunakan iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Data dianalisis menggunakan kaedah tematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan peluang yang diberikan oleh guru, strategi interaksi berkesan seperti kaedah pengulangan, penggunaan dwi bahasa dan *parallel talk* dapat meningkatkan interaksi Bahasa Inggeris. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan pelbagai strategi berkesan, kemahiran pedagogi guru dan penggunaan peneguhan dan rangsangan dapat meningkatkan interaksi Bahasa Inggeris dalam kalangan kanak-kanak. Implikasi kajian ini dapat memberi kesedaran tentang kepentingan guru-guru prasekolah berkongsi kemahiran berinteraksi dan mempelbagaikan strategi interaksi berkesan dalam Bahasa Inggeris bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran untuk kanak-kanak prasekolah.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

v

EFFECTIVE INTERACTION STRATEGIES IN TEACHING AND LEARNING OF ENGLISH FOR PRESCHOOL CHILDREN

ABSTRACT

This study aims to identify effective English interaction strategies during teaching and learning sessions by preschool teachers in Kerian District, Perak. This study also identifies teachers' pedagogical skills in teaching and learning of English and the use of reinforcement and encouragement as a motivation for children to interact in English. Qualitative approach with case study design have been chosen in this study. The purposive sampling involves five preschool teachers who attended a series of English language proficiency courses in 2014. Three research instruments employed were interviews, observations and document analysis. The data were analysed using thematic analysis. The findings highlight that the use of opportunities provided by the teachers and effective strategies such as repetition, bilingual use and parallel talk can increase English interaction among preschool children. The study concludes that the use of various effective strategies, teachers' pedagogical skills and the use of reinforcement and encouragement can enhance English interaction. The implication of this study may create awareness on the significance of preschool teachers to share their interaction skills and vary effective interaction strategies in English to improve the quality of teaching and learning for preschool children.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii



BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Tujuan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Persoalan Kajian	13
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.8 Batasan Kajian	16
1.9 Kerangka Konsep Kajian	17
1.10 Definisi Operasional	20





1.10.1 Kanak-kanak prasekolah	20
1.10.2 Pengajaran Prasekolah	21
1.10.3 Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dan KSPK Semakan 2017	21
1.10.4 Interaksi Berkesan	22
1.10.5 Peneguhan (<i>reinforcement</i>)	23
1.11 Kesimpulan	24
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	26
2.1 Pengenalan	26
2.2 Tunjang Bahasa dan Komunikasi	27
2.3 Motivasi	29
2.4 Model Pemerolesan Bahasa Kedua	31
2.5 Teori-teori yang berkaitan	36
2.5.1 Teori Pembelajaran Sosial Bandura	38
2.5.2 Teori <i>Vygotsky</i>	40
2.5.3 Teori Behaviorisme	43
2.6 Kajian-kajian Lepas	45
2.6.1 Kajian berkaitan strategi pengajaran guru	45
2.6.2 Kajian berkaitan kemahiran guru menjalankan pedagogi	51
2.6.3 Kajian berkaitan peneguhan dan rangsangan sebagai motivasi	56
2.7 Rumusan	58





BAB 3	METODOLOGI	60
3.1	Pendahuluan	60
3.2	Reka Bentuk Kajian	61
3.3	Sampel Kajian	62
3.4	Kajian Rintis	63
3.5	Tata Cara Pengumpulan Data Instrumen Kajian	64
3.5.1	Temu bual Guru	67
3.5.2	Pemerhatian di dalam Bilik Darjah	68
3.5.3	Nota Lapangan	70
3.6	Analisis Data	71
3.7	Etika Kajian	72
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	73
3.9	Triangulasi Data	74
3.10	Kesimpulan	75
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	76
4.1	Pendahuluan	76
4.2	Latar Belakang guru	77
4.2.1	Guru Prasekolah 1	78
4.2.1	Guru Prasekolah 2	78
4.2.3	Guru Prasekolah 3	78
4.2.4	Guru Prasekolah 4	79
4.2.5	Guru Prasekolah 5	79
4.3	Dapatan Kajian	79





4.3.1 Strategi Interaksi Berkesan di dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Inggeris	80
4.3.1.1 Peluang Semasa Pengajarn dan Pembelajaran	80
4.3.1.2 Pengulangan	89
4.3.1.3 Penggunaan dwibahasa	94
4.3.1.4 ' <i>Parallel talk</i> '	97
4.3.1.5 Rumusan	99
4.3.2 Kemahiran pedagogi guru	99
4.3.2.1 Pemilihan tajuk	100
4.3.2.2 Kemahiran menyoal	100
4.3.2.3 Membetulkan kesalahan serta merta	101
4.3.2.4 Kaedah <i>Scaffolding</i>	102
4.3.2.5 Kemahiran berbahasa Inggeris	102
4.3.2.6 Rumusan	103
4.3.3 Peneguhan dan rangsangan sebagai motivasi	104
4.3.3.1 Motivasi Ekstrinsik	104
4.3.3.2 Motivasi Intrinsik	106
4.3.3.3 Rumusan	108
4.4 Kesimpulan	109
BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	110
5.1 Pengenalan	110
5.2 Perbincangan dapanan Kajian	111
5.2.1 Perbincangan dapanan kajian strategi interaksi yang digunakan oleh guru dalam pengajaran	





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X

dan pembelajaran bahasa Inggeris kanak-kanak
prasekolah

111

5.2.2	Perbincangan dapatan kajian kemahiran guru menjalankan pengajaran Bahasa Inggeris bagi menggalakkan interaksi berkesan	117
5.2.3	Perbincangan dapatan kajian peneguhan dan rangsangan yang diberikan oleh guru sebagai motivasi untuk menggalakkan berinteraksi dengan kanak-kanak	121
5.3	Rumusan	124
5.4	Implikasi Kajian	125
5.5	Cadangan Kajian Akan Datang	129
5.6	Kesimpulan	130
	RUJUKAN	134
	LAMPIRAN	



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xi

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
1.1 Kaedah Pengumpulan Data	66



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xii

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat	
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	19
1.2	Prosedur Pengumpulan Data	65



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN/SIMBOL/TATANAMA/ISTILAH

EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
MBMMBI	Memartabatkan Bahasa Melayu, Memperkasakan Bahasa Inggeris
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara
PdP	Pengajaran dan pembelajaran
PERMATA	Kurikulum Awal Kanak-kanak berumur 0 – 4 tahun
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TESL	<i>Teaching English as a Second Language</i>
ZPD	<i>Zone Proximal Development</i>





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

SENARAI LAMPIRAN

- A Protokol Temu bual
- B1 Protokol pemerhatian Pengajaran Terhadap Guru
- B2 Protokol pemerhatian terhadap kanak-kanak
- C Surat kelulusan dari Pakar Akademik Mengesahkan Instrumen Temu bual dan Instrumen Pemerhatian
- D Surat Kelulusan Untuk menjalankan Kajian di Sekolah, Institusi Pendidikan Guru, Jabatan Pendidikan Negeri dan Bahagian di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia
KPMS.600-3/2/3 Jld 10 (70) – 27 Januari 2016
- E Transkrip temu bual
- F Senarai semak pemerhatian di dalam kelas



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832

**1.1 Pendahuluan**Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Pendidikan di Malaysia melalui Falsafah Pendidikan Negara menekankan pendidikan yang menyeluruh merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Pendidikan prasekolah telah menjadi agenda utama pendidikan negara pada masa kini. Ianya telah dijadikan salah satu sub di dalam NKRA (Bidang Keberhasilan) setelah menyedari keberkesanan pendidikan awal kanak-kanak dalam semua aspek terutama perkembangan kognitif. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan konsep amalan yang bersesuaian digunakan untuk pembelajaran kanak-kanak prasekolah melalui Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK, 2010) dan KSPK Semakan 2017 (2016).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Bermula dari peringkat inilah kanak-kanak boleh dididik untuk menjadi insan yang sempurna. Pelaksanaan prasekolah untuk semua kanak-kanak sebelum memasuki alam persekolahan sebenar disifatkan mampu membantu perkembangan pendidikan seterusnya memudahkan proses pengajaran guru di bilik darjah. Mengikut Rohaty (2013), kanak-kanak boleh menyerap dengan baik kemahiran-kemahiran yang diajar kepada mereka dan pada peringkat ini ianya merupakan suatu permulaan memasuki dunia pendidikan yang mampu memberi kesan positif kepada proses tumbesaran.

Kanak-kanak terutama pada peringkat prasekolah begitu sensitif terhadap persekitaran dan boleh mempelajari pelbagai bahasa serentak. Oleh itu guru-guru tidak boleh melepaskan peluang untuk mencari pendekatan, kaedah serta strategi yang sesuai untuk membimbing serta memberi pembelajaran yang berkesan dan menyeronokkan kepada kanak-kanak.

bupsi

Penggunaan Bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian pada masa ini amat penting sejajar dengan perkembangan pendidikan di Malaysia sehingga ke peringkat global. Perlaksanaan dasar ‘Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkuuh Bahasa Inggeris’ (MBMMBI) dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai 2010. Tujuan utama memperkasakan Bahasa Inggeris adalah untuk memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa yang wajib dipelajari sebagai bahasa komunikasi dan bahasa ilmu di peringkat nasional dan antarabangsa. Setiap pelajar perlu menguasai Bahasa Inggeris dengan baik untuk membolehkan penerokaan pelbagai ilmu dalam persaingan di peringkat nasional dan global, Julaihi Bujang (2010). Berikutan kepentingan tersebut penguasaan Bahasa Inggeris perlu bermula dari peringkat prasekolah kerana pada peringkat inilah mereka mula didedahkan dengan bahasa antarabangsa ini.





Guru prasekolah perlu melakukan lonjakan berganda untuk menterjemahkan dasar serta mengukuhkan penguasaan Bahasa Inggeris melalui pembelajaran yang berkesan. Bahasa Inggeris menjadi seiring dan sama pentingnya dengan Bahasa Melayu apabila peruntukan masa di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK, 2010) dan KSPK Semakan 2017 (2016) untuk pengajaran bagi kedua-dua bahasa adalah sebanyak 600 minit dalam seminggu. Peranan guru semakin penting dalam pelaksanaan strategi pembelajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di kelas prasekolah. Strategi interaksi berkesan adalah satu strategi yang boleh membantu peningkatan penguasaan Bahasa Inggeris kanak-kanak prasekolah. Guru perlu memahami tatacara perlaksanaan yang berkesan supaya menghasilkan impak positif terhadap kanak-kanak prasekolah.



Kerajaan Malaysia telah memandang serius mengenai penguasaan Bahasa Inggeris dari kanak-kanak peringkat prasekolah hingga ke peringkat universiti. Pengajaran Bahasa Inggeris telah menjadi wajib diajar diperingkat sekolah menengah mahu pun sekolah rendah. Sejajar dengan kepentingan ini Bahasa Inggeris juga perlu diajar kepada kanak-kanak seawal prasekolah kerana kemahiran asas bahasa ini menjadi teras kepada penguasaan bahasa dan ilmu pada peringkat yang lebih tinggi.

Di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK, 2010) dan KSPK Semakan 2017 (2016) yang digunakan mengandungi tunjang komunikasi yang turut merangkumi Bahasa Inggeris sebagai asas kepada kanak-kanak. Pendekatan dalam KSPK (2010) dan KSPK Semakan 2017 (2016) menekankan kepada penggunaan





strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan umur, perkembangan diri, kebolehan, bakat serta minat kanak-kanak. Ini merupakan peluang kepada kanak-kanak mempelajari dan menguasai Bahasa Inggeris dengan kaedah yang menyeronokkan.

Kanak-kanak prasekolah perlu didedahkan kepada dunia pembelajaran secara tidak langsung dapat memberi pengalaman awal yang penting seperti berinteraksi menggunakan Bahasa Inggeris. Pembelajaran yang bermakna dapat membekalkan keyakinan bagi pembentukan sikap yang positif sebagai persediaan memasuki alam persekolahan secara formal dan pendidikan sepanjang hayat.

Memandangkan Bahasa Inggeris adalah bahasa kedua bagi kebanyakan kanak-

kanak prasekolah maka ianya diajar dengan dua cara iaitu interaksi secara verbal dan bukan verbal seperti penggunaan bahasa badan (*body language*), ekspresi wajah dan *eye contact* dalam usaha untuk memudahkan pemahaman kanak-kanak. Kesemua elemen tersebut menjadi penting di dalam strategi interaksi yang perlu diamalkan oleh guru bagi memberi pengalaman awal Bahasa Inggeris kepada kanak-kanak.

Interaksi berkesan di antara guru dan murid merupakan satu hubungan timbal balik yang saling memberi kesan serta saling mempengaruhi antara satu sama lain. Menurut Adrian dan Elene (2013) interaksi merupakan proses menjalankan hubungan dan berkomunikasi dan saling mempengaruhi fikiran mahupun tindakan. Kanak-kanak dapat memahami percakapan guru dan dapat memberi tindak balas di dalam pengajaran. Kajian terbaru oleh Fredson (2015) mendapatkan bahawa interaksi yang saling menyokong





dan menghargai antara satu sama lain akan meningkatkan motivasi kepada kanak-kanak dan mereka lebih berminat untuk mengikuti pembelajaran.

Guru adalah insan paling rapat dan meluangkan sebahagian masa mereka semasa pengajaran dan pembelajaran maka peluang berinteraksi secara berkesan perlu digunakan dengan sebaiknya. Kanak-kanak akan cuba berinteraksi dengan guru dan sedikit demi sedikit memahami bahasa ini seandainya pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan menarik dan penuh bermakna kepada mereka. Lowen dan Reinders (2011) menyatakan bahawa untuk melihat keberkesanan sesuatu pengajaran dan pembelajaran, ianya bergantung kepada penglibatan kanak-kanak dan interaksi yang berkesan mereka dengan guru.



1.3 Penyataan Masalah

Dewasa ini kelemahan menguasai Bahasa Inggeris dalam kalangan kanak-kanak peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti dipandang serius kerana masalah ini membawa kepada kegagalan menguasai ilmu yang kebanyakannya buku-buku rujukan terdapat di dalam Bahasa Inggeris. Akta Pendidikan 1996 (Kementerian Pendidikan, 1996) menyatakan bahawa pendidikan bahasa merupakan mata pelajaran wajib dalam semua program awal kanak-kanak. Bahasa Malaysia adalah bahasa utama manakala Bahasa Inggeris adalah bahasa kedua. Walau bagaimanapun, tidak ada definisi yang jelas bagaimana kedua-dua bahasa ini boleh digunakan sebagai alat untuk berinteraksi dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan awal kanak-kanak. Kesan kualiti Bahasa Inggeris terhadap pendidikan awal kanak-kanak juga kurang terserlah. Pengkaji





membahagikan permasalahan ini kepada dua kategori iaitu masalah secara umum dan masalah yang lebih khusus.

Masalah secara umum adalah pada Januari 2014, di dalam Dialog Penyediaan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2015 – 2025, mantan Menteri Pendidikan Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yasin menyatakan bahawa pelajar di Malaysia yang terdiri daripada kanak-kanak prasekolah, murid sekolah rendah, pelajar sekolah menengah dan universiti masih tidak boleh bertutur menggunakan Bahasa Inggeris dengan baik. Keadaan ini sangat membimbangkan kerana Bahasa Inggeris telah diajar sejak kecil. Beliau bersetuju supaya pengajaran Bahasa Inggeris telah mula diajar pada peringkat prasekolah lantas menyarankan supaya penguasaan Bahasa Inggeris di dalam kalangan kanak-kanak prasekolah perlu ditingkatkan. Pihak

Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Cambridge English telah menjalankan kajian terhadap sekolah-sekolah di Malaysia melalui "*Measuring the English Language Standard and Establishing an evidence-based base line for Malaysian schools*" kerana ingin mengetahui tahap pembelajaran dan pengajaran Bahasa Inggeris. Menurut kajian tersebut, 85 peratus pelajar memang berminat belajar Bahasa Inggeris manakala dalam kalangan guru-guru pula, 97 peratus guru memang berminat untuk mengajar Bahasa Inggeris. Memandangkan peratusan minat serta penerimaan murid dan guru terhadap Bahasa Inggeris agak tinggi, perlulah dikaji satu alasan penguasaan yang masih rendah di kalangan pelajar-pelajar di Malaysia.

Ekoran dari masalah tersebut, Hazrul (2012) dalam kajiannya mendapati bahawa para majikan melahirkan perasaan tidak puas hati kerana 50 peratus daripada graduan yang memohon pekerjaan kurang menguasai kemahiran berkomunikasi dan





berinteraksi menggunakan Bahasa Inggeris. Mereka bukan sahaja tidak mempunyai kesepadan kemahiran malah tidak fasih berbahasa Inggeris. Keadaan ini menjadikan mereka sukar memperoleh pekerjaan yang diidamkan. Maka para guru perlu memandang serius perkara ini seterusnya menyokong pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris yang berkesan bermula dari peringkat prasekolah dan sekolah rendah.

Penguasaan kemahiran Bahasa Inggeris yang kukuh dalam kalangan kanak-kanak prasekolah amat penting malah mengimbangi penguasaan pengetahuan asas ketika mereka memasuki alam persekolahan formal. Kerajaan memberi tumpuan kepada penguasaan Bahasa Inggeris kerana terdapat sebahagian murid yang masih tidak menguasai kemahiran 4M (membaca, menulis, mengira dan menaakul) walaupun sudah belajar di Tahun Enam kerana ketinggalan dalam pembelajaran, antara lain dikatakan ianya berpunca dari pencapaian dan penguasaan kemahiran yang berbeza sejak memasuki Tahun Satu lagi.

Masalah yang lebih khusus adalah mengikut kajian oleh Albert (2012) dalam kajianya terhadap sebuah kelas prasekolah mendapati bahawa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris menjadi terganggu kerana murid tidak memahami perkara yang disampaikan oleh guru. Di dalam pengajarannya, Albert (2012) mendapati bahawa kanak-kanak hanya mendiamkan diri dan mengharapkan jawapan daripada guru. Guru tidak dapat menyampaikan isi pelajaran dengan baik kerana kanak-kanak tidak memahami bahasa tersebut. Penguasaan dari segi pertbaharaan kata dan perbualan mudah juga sangat lemah. Memandangkan kanak-kanak tidak memahami bahasa kedua mereka ianya menjadi lebih sukar untuk berinteraksi dengan guru. Latihan





yang berterusan perlu dilakukan bagi meningkatkan tahap penguasaan perbendaharaan Bahasa Inggeris. Guru perlu menyediakan kanak-kanak prasekolah bagi mempelajari Bahasa Inggeris dengan memberikan pengalaman awal dalam pembelajaran seperti yang digariskan dalam tunjang bahasa dan komunikasi. Kanak-kanak perlu memahami isi pelajaran yang hendak disampaikan. Memandangkan mereka masih belum memahami Bahasa Inggeris dengan baik maka proses pengajaran dan pembelajaran menjadi terganggu.

Masalah seterusnya adalah guru prasekolah mendapati bahawa suatu kesukaran bagi mereka untuk berinteraksi dengan kanak-kanak dan menjalankan aktiviti menggunakan Bahasa Inggeris kerana mereka bukanlah terdiri dari mereka yang mengambil jurusan Bahasa Inggeris. Perkara utama yang mendatangkan kesukaran kepada mereka adalah keupayaan berinteraksi secara berkesan dengan kanak-kanak.

Mereka tidak dilatih secara profesional untuk mengajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Guru-guru tidak berjaya menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris dengan berkesan kerana kurang menguasai bahasa ini dan tahap kecekapan serta pengetahuan mereka tentang penguasaan Bahasa Inggeris juga terhad. Rohaty (2013) menyatakan bahawa salah satu penemuan utama beliau mengenai isu-isu kritikal dalam pendidikan awal kanak-kanak ialah kekurangan kompetensi guru dalam menggunakan Bahasa Inggeris semasa berinteraksi dengan kanak-kanak. Kanak-kanak yang mempelajari Bahasa Inggeris daripada guru-guru yang kurang berkelayakan dan kurang mahir dalam bahasa tersebut mungkin tidak dapat mencapai penguasaan Bahasa Inggeris yang cukup baik. Oleh itu amatlah penting untuk mengkaji prestasi dan pengetahuan guru prasekolah dalam usaha untuk penguasaan bahasa kedua ini.





Masalah berikutnya adalah guru prasekolah tidak berpeluang untuk menjadi mahir dan cekap berinteraksi menggunakan Bahasa Inggeris dengan anak-anak didik mereka. Guru tidak dapat menyampaikan pengajaran dan pembelajaran yang bermotivasi dan berkualiti serta mampu mengekalkan minat kanak-kanak dalam menggunakan Bahasa Inggeris kerana mereka kurang menguasai serta kurang mahir menggunakan semasa berinteraksi dengan kanak-kanak. Berbanding dengan guru-guru sekolah rendah dan menengah, seramai 61000 guru Bahasa Inggeris dilatih semula dalam gelombang pertama (dari tiga gelombang) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), mereka telah mengikuti latihan Iktisas TESL (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai bahasa kedua) untuk mengajar Bahasa Inggeris kepada pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah.



pendidikan awal kanak-kanak, ianya menjadikan mereka kurang memberi tumpuan kepada penggunaan Bahasa Inggeris dalam amalan harian mereka. Guru-guru masih memerlukan satu latihan yang khusus untuk meningkatkan profesionalisme mereka terutama di dalam aspek pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) sentiasa mengambil berat perkara ini. Pada tahun 2014, satu kursus jangka pendek telah dijalankan iaitu “Peningkatan Bahasa Inggeris untuk Guru-guru Prasekolah Negeri Perak telah dijalankan mulai bulan April hingga Oktober. Guru-guru didekah dengan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris kanak-kanak prasekolah. Pihak JPN Perak sentiasa memantau pelaksanaan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris berdasarkan kursus yang telah dijalankan pada tahun 2014.





Menurut Rohaty (2013), masalah yang juga perlu dipandang serius di dalam pengajaran Bahasa Inggeris prasekolah ialah guru-guru sering menekankan amalan membaca secara mekanis dan kemahiran menulis. Mereka jarang sekali menggunakan Bahasa Inggeris sebagai alat interaksi sehari-hari dan kurang menekankan interaksi menggunakan bahasa tersebut. Rohaty (2013) melihat bahawa Bahasa Inggeris tidak harus digunakan sebagai mata pelajaran di dalam kelas pendidikan awal kanak-kanak semata-mata tetapi juga sebagai medium interaksi antara guru dan kanak-kanak semasa aktiviti luaran serta aktiviti-aktiviti lain. Di dalam kurikulum PERMATA (Kurikulum awal kanak-kanak yang memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak berumur 0-4 tahun), proses merangsang minda kanak-kanak dijalankan secara sistematis melalui 3 kaedah utama iaitu penerokaan, eksperimen dan pengalaman melalui bermain. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2010) dan KSPK



Semakan 2017 (2016) juga memberi tumpuan kepada proses berpusatkan kepada pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak yang memberi penekanan kepada inkirian penemuan, pengajaran bersepadu serta pembelajaran melalui pendekatan bermain. Ianya menggalakkan pembelajaran secara kontekstual serta pembelajaran berdasarkan projek. Bersesuaian dengan KSPK (2010) dan terkini KSPK Semakan 2017 (2016) menekankan kepada kepentingan interaksi guru dengan kanak-kanak dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran mereka.

Pengkaji telah melihat kekurangan dari segi instrumen untuk menilai kanak-kanak dalam penguasaan Bahasa Inggeris sebagai suatu perkara yang perlu diambil berat. Namun begitu satu instrumen Bahasa Inggeris telah disediakan oleh pihak JPN Perak iaitu *Junior Kids Program*, JPN Perak (2014) telah digunakan untuk menilai penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan kanak-kanak Prasekolah. Instrumen ini





dibentuk berdasarkan Standard Pembelajaran yang terdapat di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2010). Walau bagaimanapun instrumen ini hanya dapat mengukur penguasaan dari segi membaca dan menulis tetapi masih tidak dapat mengukur sejauh mana penguasaan kemahiran berinteraksi kanak-kanak menggunakan Bahasa Inggeris. Dapatan laporan dari JPN Perak (2014) menunjukkan bahawa kanak-kanak hanya boleh membaca secara mekanis tetapi masih tidak yakin berinteraksi menggunakan Bahasa Inggeris walaupun semasa interaksi yang mudah dengan guru-guru.

Masalah yang terakhir adalah pengkaji mendapati bahawa masih terdapat kekurangan penyelidikan dan kajian yang berlatar belakang kepada strategi interaksi yang digunakan oleh guru-guru prasekolah di dalam pengajaran dan pembelajaran



Bahasa Inggeris. Menurut Hooi San dan Anna Christina (2014), walaupun terdapat beberapa kajian yang memberi tumpuan kepada penguasaan asas Bahasa Inggeris kanak-kanak namun masih tiada kajian setakat ini yang mengkaji dari aspek perspektif guru berhubung dengan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai alat interaksi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tiada data yang muktamad mengenai penggunaan Bahasa Inggeris sebagai alat berinteraksi di dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada peringkat pendidikan awal kanak-kanak.





1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji strategi interaksi berkesan yang digunakan oleh guru di dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Pengkaji juga ingin melihat bentuk peneguhan dan rangsangan yang digunakan oleh guru di dalam pengajaran untuk menggalakkan interaksi yang berkesan.

1.5 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji strategi interaksi berkesan yang digunakan oleh guru-guru di dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris



Objektif kajian ini secara khusus adalah seperti berikut:

- 1) Mengenalpasti strategi interaksi berkesan yang digunakan oleh guru di dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris kepada kanak-kanak prasekolah.
- 2) Mengenalpasti kemahiran pedagogi guru menjalankan pengajaran Bahasa Inggeris untuk menggalakkan interaksi berkesan.
- 3) Mengenalpasti peneguhan dan rangsangan guru sebagai motivasi bagi menggalakkan interaksi berkesan.

